

# FUCIDIN<sup>®</sup> TABLET

Sodium Fusidate (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fucidin<sup>®</sup> tablet
2. Bagaimana Fucidin<sup>®</sup> tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet
4. Cara menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet
5. Semasa menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fucidin<sup>®</sup> tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Fucidin<sup>®</sup> tablet

Fucidin<sup>®</sup> tablet mengandungi *sodium fusidate*. Ia adalah sejenis antibiotik.

Fucidin<sup>®</sup> tablet adalah untuk rawatan jangkitan yang disebabkan oleh organisma terdedah, terutama staphylococci, sebagai contoh:

- Jangkitan pada kulit dan luka
- Jangkitan darah seperti septisemia
- Jangkitan tisu tulang dan jantung
- Jangkitan paru-paru seperti pneumonia
- Jangkitan berkaitan dengan keadaan *cystic fibrosis*, penyakit genetik yang memberi kesan lendir dan kelenjar peluh, menyebabkan mukus menjadi tebal dan melekit.
- Keradangan endokardium iaitu lapisan dalam jantung

## Bagaimana Fucidin<sup>®</sup> tablet berfungsi

Fucidin<sup>®</sup> tablet berfungsi dengan membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Fucidin<sup>®</sup> tablet

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap fusidic acid atau sodium fusidate

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap sebarang bahan lain dalam ubat anda. Anda boleh mendapatkan senarai bahan-bahan ini dalam seksyen: Maklumat lanjut risalah ini.
- Jika anda mengambil statin (ubat untuk menurunkan kolesterol dalam darah).

## Mengandung dan menyusukan anak

Sila tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Fucidin<sup>®</sup> tablet:

- Jika anda hamil, atau berfikir anda hamil
- Jika anda sedang menyusukan bayi.

Beritahu doktor anda jika anda hamil ketika menggunakan ubat ini.

- Sebelum menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet

Berhati-hati dengan penggunaan Fucidin<sup>®</sup> tablet

Sebelum anda mengambil *Fucidin<sup>®</sup> tablet*, beritahu doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah dengan hati anda
- Jika anda baru-baru ini mendapat penyakit kuning

Sementara anda mengambil Fucidin<sup>®</sup> Tablet doktor anda mungkin menjalankan ujian darah secara kerap pada pesakit yang mengambil dos yang tinggi, dengan masalah hati atau hempedu, mengambil ubat untuk jangka masa yang panjang atau mengambil ubat-ubatan lain yang memberi kesan kepada hati.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru mengambil sebarang ubat lain. Ini termasuk sebarang ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

- Jangan mengambil statin (ubat untuk menurunkan kolesterol darah) semasa menggunakan ubat ini.

Anda mesti memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat berikut:

- Antibiotik lain, seperti lincomycin dan rifampicin.
- Anti-koagulan secara lisan (ubat untuk mencairkan darah anda). Anda mungkin lebih mudah berdarah. Doktor anda mungkin perlu menukar dos anda.
- Ubat untuk menurunkan kolesterol darah, seperti statin. Ini boleh membawa kepada kelemahan otot, kelembutan atau sakit.
- Ritonavir atau saquinavir, ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat HIV.
- Cyclosporin. Ubat ini digunakan untuk mengurangkan tindak balas imun badan.

## Cara menggunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet

Sentiasa gunakan Fucidin<sup>®</sup> tablet tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak tablet untuk diambil.

Ambil tablet dengan segelas air.

Orang dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 12 tahun

- Dua tablet tiga kali setiap hari.
- Jangkitan kulit: Dos biasa adalah satu tablet dua kali setiap hari.
- Untuk jangkitan yang teruk, doktor anda boleh meningkatkan dos.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak dan berapa kali sehari mengambil ubat anda.

Anda perlu mengambil ubat itu pada tempoh masa yang sama dalam sehari.

Ambil Fucidin® tablet dengan makanan untuk mengelakkan gangguan pencernaan, loya dan muntah-muntah.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan Fucidin® tablet selama tempoh masa yang dicadangkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk aplikasi seterusnya, abaikan aplikasi yang terlepas..

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor anda dengan segera. Anda mungkin perlu berhenti mengambil ubat ini.

- **Jika anda berhenti mengambilnya**

Itu adalah sangat penting untuk mengambil semua ubat yang doktor anda telah beritahu anda. Anda mesti menghabiskan ubat ini walaupun anda berasa lebih baik. Anda mesti habiskan ubat ini supaya jangkitan anda tidak kembali.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut tentang pengambilan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

**Semasa menggunakan Fucidin® tablet**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fucidin® Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Fucidin® Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Maklumat penting tentang beberapa bahan-bahan Fucidin® Tablet

Fucidin® Tablet mengandungi:

- Laktosa. Ini adalah sejenis gula. Jika anda tidak boleh menerima sebarang gula (kadang-kadang dipanggil intoleransi gula), hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.
- Natrium. Setiap tablet mengandungi 11 miligram (mg) natrium. Anda perlu mengambil kira jika anda sedang mengamalkan diet natrium yang terkawal.

Sila tanya doktor anda jika anda bimbang tentang sebarang bahan dalam ubat ini.

*Memandu dan menggunakan mesin*

Biasanya ubat anda akan mempunyai kesan yang sangat sedikit terhadap keupayaan untuk memandu atau menggunakan mesin. Semak dengan doktor anda jika anda rasa

apa-apa kesan sampingan yang mungkin menghalang anda daripada memandu atau menggunakan mesin.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Fucidin® Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang dapat mengalaminya .

Kesan sampingan yang serius:

Reaksi alahan : Anda perlu mendapatkan bantuan perubatan segera jika anda mempunyai sebarang gejala berikut:

- kesukaran bernafas
- Kebengkakkan muka atau tekak
- Kulit mengalami ruam yang teruk.

Anda perlu mendapatkan bantuan perubatan segera jika anda mempunyai sebarang gejala berikut. Anda mungkin sedang mengalami satu keadaan yang dikenali sebagai rhabdomyolysis di mana anda akan mengalami:

- kelemahan otot
- kesakitan otot
- kelembutan otot
- kenaikan serum creatine kinase
- kemerosotan buah pinggang akut
- air kencing yang berwarna gelap

Bilangan orang yang terjejas tidak diketahui: tahap sesetengah sel dalam darah anda mungkin berubah. Anda perlu memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai mana-mana gejala berikut:

- Anda mempunyai sebarang lebam atau pendarahan yang tidak dapat dijelaskan
- Anda mempunyai ulser mulut yang berterusan atau berulang-ulang , sakit tekak atau jangkitan lain.

Bilangan orang yang terjejas tidak diketahui:

- masalah hati atau buah pinggang.

Anda perlu memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai mana-mana gejala berikut:

- Kulit anda atau putih mata anda kelihatan kuning
- Anda tidak dapat membuang air

Kesan sampingan lain-lain yang berkemungkinan berlaku :

- loya, muntah-muntah dan pencernaan yang terganggu

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius atau anda notis apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/ Vaccine Safety*)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Fucidin® tablet**

##### **- Penyimpanan**

- Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
- Jangan gunakan Fucidin® tablet selepas tarikh tamat tempoh pada kotak itu. Tarikh luput adalah hari terakhir bulan tersebut.
- Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30°C.
- Jangka hayat : 3 tahun

##### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### **- Rupa dan warna produk**

Fucidin® Tablet adalah biconvex tablet bujur yang berwarna putih hingga putih kelabu bersalut filem tanpa “*embossing*”.

*Fucidin*® Tablet dibungkus dalam 20 pek blister.

##### **- Bahan-bahan kandungan**

###### **- Bahan aktif**

- Sodium fusidate

Fucidin® Tablet mengandungi 250 mg Sodium fusidate dalam setiap tablet.

###### **- Bahan tidak aktif**

- Crospovidone
- Hypromellose
- Lactose monohydrate
- Magnesium stearate
- Microcrystalline cellulose
- Silica
- Talc
- Titanium dioxide (E171)
- All-rac- $\alpha$ -tocopherol

- Anda boleh mendapatkan maklumat penting tentang beberapa bahan dalam ubat anda di bahagian akhir : Sebelum anda menggunakan Fucidin® tablet dalam risalah ini.

##### **-Nombor MAL**

MAL19910821AZ

##### **Pengilang**

Laboratoires LEO  
39, route de Chartres  
28500 Vernouillet, France

##### **Pemegang Pendaftaran Produk**

DKSH Malaysia Sdn Bhd  
B-11-01, The Ascent, Paradigm  
No.1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia.

##### **Tarikh kemaskini RiMUP**

11/10/2017

##### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)110717/00171